



SIARAN AKHBAR

PEMBERIGAN SIRI BAHARU KELUARGA MATA WANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KEPADA PEMILIK MESIN PERNIAGAAN

1. Berikutan pengumuman Siri Baharu Keluarga Mata Wang Negara Brunei Darussalam, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) akan meneruskan sesi-sesi pemberigian kepada pemilik mesin perniagaan, termasuk pengendali tempat letak kereta dan mesin layan diri, serta pemilik kiosk pembayaran.
2. Bagi memastikan transaksi yang lancar dan mudah, para pemilik perniagaan dinasihatkan untuk melaksanakan dan menyelesaikan latihan penentukuran (calibration) agar mesin-mesin dapat mengenali dan menerima mata wang baharu tersebut sesudah ia mula diedarkan pada separuh pertama 2026.
3. BDCB seterusnya ingin memaklumkan bahawa semua mata wang yang sedia ada dalam edaran masih sah diperlakukan dan boleh terus digunakan bersama-sama mata wang baharu ini.
4. Pemilik-pemilik mesin perniagaan yang belum lagi menyertai sesi pemberigian mata wang baharu ini bolehlah menghubungi pihak Pengurusan Mata Wang, BDCB di cm@bdcg.gov.bn atau +673 8372186.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai Siri Baharu Keluarga Mata Wang Negara Brunei Darussalam serta ciri-ciri keselamatannya, sila layari laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn atau ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Tarikh: 16 Rabiulakhir 1447H/

8 Oktober 2025